

16/11/2003

Perlunya memahami minda Melayu

Johan Jaaffar

CHARLES E MOORE telah menyunting tiga buah buku mengenai minda orang China, India dan Jepun. Buku-buku ini merupakan koleksi esei yang cuba menjawab persoalan mengenai tradisi, tamadun, nilai, budaya dan keilmuan bangsa-bangsa tersebut. Saya berasakan amat perlu diterbitkan sebuah buku khusus mengenai 'Minda Melayu'.

Profesor Diraja Ungku Aziz paling banyak bercakap mengenai minda Melayu. Saya percaya beliau didorong oleh kepercayaan bahawa mana-mana satu bangsa akan hanya difahami melalui minda bangsa berkenaan. Minda inilah yang menentukan nilai, pandang dunia (world-view), tafsiran dan sikap bangsa berkenaan. Secara kolektif minda Melayu memancarkan sistem nilai orang Melayu. Maka itu cara mereka menangani isu, mendepani krisis, menghadapi nilai baru, juga sikap terhadap agama, politik dan dunia ditentukan oleh minda ini.

Banyak pandangan mengatakan bahawa orang Melayu 'lemah' kerana nilai dan persekitaran mereka. Mereka dicorakkan oleh budaya peasant atau petani yang rata-rata mengambil mudah, selesa dengan hidup, tidak menghargai masa dan tidak punya insentif untuk maju. Tambahan pula orang Melayu berada dalam kekangan feudalisme sekian lama.

Pandangan lain ialah peribahasa, pantun dan cerita-cerita rakyat Melayu banyak yang memperlihatkan gambaran bahawa orang Melayu mudah berserah, terlalu taksud dengan adat, tidak berminda saintifik malah mudah menyerah. Ada yang mengatakan bahawa orang Melayu harus melupakan akar umbi keMelayuan untuk menjadi manusia moden yang cekal, berani dan kompetitif.

Malah yang berpendapat nilai-nilai Melayu yang dikaitkan dengan budi bahasa, sopan santun, adab dan perilaku yang baik tidak sesuai atau serasi lagi dengan cara hidup moden. Orang Melayu harus menjadi kurang ajar dan biadab untuk berjaya dan maju.

Minda Melayu harus bertolak daripada pemahaman mengenai betapa dinamisnya bangsa Melayu. Dan betapa selesanya orang Melayu menerima budaya baru. Orang Melayu sudah punya budaya fikir (thought-culture) yang tinggi sejak awal lagi. Kerajaan Islam Samudra yang dilawati oleh pengembara Ibn Batutah pada sekitar tahun 1345 sudah berpaksikan sebuah pelabuhan dagang yang besar selain pusat keilmuan.

Kita melihat bagaimana kerajaan Melayu Melaka menjadi teras kekuatan orang Melayu di rantau ini dalam abad ke-15. Apa yang penting ialah Melaka bukan sahaja pusat pentadbiran empayar Melayu tetapi menjadi pusat dagang, dan tempat berkembangnya tradisi ilmu dan kesenian.

Tentulah istana memainkan peranan menaungi kegiatan keilmuan dan kesenian pada masa itu. 'Pujangga' atau pencatat sejarah istana memainkan peranan bukan sahaja menjunjung kemuliaan raja-raja mereka tetapi memberikan legitimasi pada pemerintahan itu.

Kerajaan-kerajaan Melayu yang lain - Pasai dan Johor Riau - misalnya meneruskan tradisi kegemilangan ilmu ini. Banyak ulama dan ilmuan Islam muncul di tengah sistem naungan istana. Malah di banyak negeri-negeri Melayu yang lain ketika itu - Kelantan, Terengganu dan Kedah - telah berkembang tradisi keilmuan tempatan yang disemarakkan pula oleh kedatangan Islam.

Semua ini membuktikan bahawa minda Melayu tidak kecil, daif, terpinggir dan parokial. Orang Melayu telah membina legacy, ketamadunan dan tradisi keilmuan yang luar biasa. Istana Melayu telah melahirkan nama-nama besar seperti Tun Seri Lanang, Hamzah Fansuri, Shamsuddin al Sumatrani dan Abdul

Rauf Singkel. Rakyat biasa telah melahirkan ulama dan ilmuan Islam melalui sistem sekolah agama dan pondok. Banyak daripada mereka ini berfikirannya terbuka, mengajak pada kemajuan dan meletakkan nilai dunia sama pentingnya dengan akhirat.

Malah kalau kita melihat pergeseran di antara 'Kaum Tua' dan 'Kaum Muda' dalam tahun-tahun 20-an dan 30-an, kita mendapat gambaran betapa hebatnya usaha untuk menilai diri di kalangan orang Melayu. Kelompok Syed Syeikh Ahmad Alhadi, Syed Mohd Tahir Jalaluddin, Sheikh Mohd Kalali dan Haji Abbas Mohd Taha melalui majalah Al Imam mempersoalkan peranan 'ulama' yang dianggap mereka konservatif dan tidak progresif masa itu.

Orang Melayu sentiasa mempunyai tradisi muasabah diri atau membuat penilaian dari dalam. Kritikan Abdullah Munsyi mungkin tidak menyenangkan orang Melayu. Buku The Malay Dilemma oleh Tun Dr Mahathir Mohamad mungkin terlalu 'keras' untuk banyak orang Melayu.

Malah bagi para pujangga yang harus menyanjung raja dan kerajaan, secara halus dan berseni mengkritik raja mereka. Ini terlihat dalam kitab Sejarah Melayu dan Hikayat Raja-raja Pasai.

Minda Melayu dicorakkan oleh budaya fikir yang unik ini. Juga pendepanan orang Melayu dengan persekitaran dan cabaran ke atas kehidupan mereka. Orang Melayu rata-rata hidup sukar, 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' bagi menunjukkan bagaimana sukar hidup mereka. Benar mereka percaya bahawa Qada dan Qadar menentukan nasib mereka. Benar ada peribahasa Melayu yang mudah ditafsir sebagai contoh sikap menyerah malah defeatist mereka, 'secupak takan jadi segantang' atau 'ulat dalam batu lagikan boleh hidup.'

Tetapi dua peribahasa di atas lebih merupakan 'perlindungan' bagi orang Melayu. Di tengah kepapaan mereka menerima hakikat bahawa sesukar mana hidup mereka, kerja harus dibuat. Sedangkan ulat dalam batu lagikan ada rezeki yang ditentukan oleh Allah.

Kita harus memahami konteks yang menyebabkan orang Melayu dicorakkan oleh semua nilai ini. Persekitaran yang sukar, kehidupan yang susah, kebebasan yang terbatas menjadikan orang Melayu tertekan. Tetapi itu tidak menghalang mereka menjadi manusia kreatif, pencipta karya yang hebat dan ahli seni yang mengagumkan. Orang Melayu menyebatkan diri dengan alam kerana alam bukan untuk ditundukkan tetapi untuk diterima sebagai 'rakan kongsi' untuk survival.

Apabila Islam datang, orang Melayu menerima Islam kerana nilai Islam yang banyak serasi atau compatible dengan nilai Melayu sendiri. Proses penerimaan Islam ini berlaku secara berdikit-dikit. Orang Melayu tidak menolak kesemua nilai keMelayuan mereka atas nama Islam. Dan Islam tidak menjadikan orang Melayu 'kurang Melayu'. Malah dalam banyak hal, adat dan budaya Melayu diperkejar dengan hukum syarak. Banyak yang asalnya falsafah Melayu menjadi teras kekuatan orang Melayu terhadap pegangan Islam mereka.

Krisis berlaku apabila penafsiran terhadap Islam itu dipersempitkan hingga apa sahaja yang dianggap Melayu dipandang sebagai tidak Islamik. Usaha menolak hampir kebanyakan nilai, world-view dan thought-culture Melayu itu dicurigai. Malah apa yang berlaku ialah sebahagian umat Islam di kalangan orang Melayu menuju ke arah proses 'pengArabian' bukan 'pengIslaman' seperti yang sepatutnya.

Saya percaya ini akan menjadi konflik yang mencorakkan orang Melayu Islam untuk masa yang panjang. Label 'Islam' mulai mengambilalih semua aspek kehidupan - dari sistem ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, keilmuan. Malah apabila sistem politik menggunakan 'Islam' sebagai ideologinya, maka konflik ini akan menjadi lebih buruk.

Orang Melayu sebenarnya terbuka, sederhana dan tidak menolak kemajuan. Orang Melayu berminda saintifik kerana pemahaman mereka terhadap kosmologi dan ilmu kejadian menjadi sebahagian dari kekuatan mereka untuk hidup. Ini

hakikat yang harus difahami. Kita boleh mempersalahkan penjajahan selama lebih 400 tahun hingga menjadikan orang Melayu hilang harga diri, self-esteem dan keyakinan. Tetapi apa yang lebih penting ialah untuk melihat kekuatan asas bangsa Melayu sebagai titik mula.

Kita selalu mengajak melihat kembali kegemilangan empayar Islam dan tradisi keilmuannya bagi mengingatkan kita kepada keperluan menjadi ummah yang maju dan progresif hari ini. Orang Melayu hari ini juga nampaknya harus kembali memahami sejarah kegemilangan empayar Melayu dan tradisi intelektual bangsa mereka. Ini sahaja yang dapat meyakinkan mereka bahawa bangsa Melayu tidak jumud, tidak mundur dan tidak menolak ilmu.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad.